JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK)

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Penolong Jurutera (Elektrik) |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Kejuruteraan |
| **Jadual Gaji** | : | (see table below) |
| **Syarat Lantikan** | : | (see below) |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |

**Jadual Gaji:**

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| JA29 | RM 1,549.00 | RM 5,701.00 | RM 145.00 |

**Syarat Lantikan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (i) warganegara Malaysia;

   (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   c.
   (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau

   (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK)

| | | |
|---|---|---|
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Jurutera (Elektrik) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab membantu Jurutera (Elektrik) memantau peruntukan belanjawan penyelenggaraan dan kerja-kerja naiktaraf bangunan dan infrastruktur di bawahnya agar sasaran kerja jabatan tercapai dan tidak melebihi siling peruntukan, menyemak tuntutan bayaran kerja-kerja penyelenggaraan, naik taraf bangunan dan infrastruktur supaya menepati spesifikasi, membantu Jurutera (Elektrik) menentukan sasaran kerja unit supaya selaras dengan objektif jabatan, membantu Jurutera (Elektrik) menyelaras tugasan sekumpulan kakitangan teknikal.<br><br>Bertanggungjawab membantu Jurutera (Elektrik) memastikan kesiapsiagaan semua sistem elektrikal supaya di dalam keadaan yang baik, membantu Jurutera (Elektrik) menyediakan rekabentuk, spesifikasi dan dokumen perolehan (tender/sebutharga) kerja dan perkhidmatan.<br><br>Bertanggungjawab membantu Jurutera (Elektrik) mengurus operasi harian (teknikal) seperti pentadbiran, penganjuran majlis rasmi dan sesi pengkuliahan, membantu Jurutera (Elektrik) menyediakan rekabentuk, spesifikasi dan dokumen perolehan (tender/sebutharga) perkhidmatan serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **16 Februari 2023** |